

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

SOALAN : NO. 39

YB Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan semasa projek Bandar Raya Getah di Kedah serta nyatakan jumlah pelaburan luar yang telah diterima bagi projek ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembangunan *Kedah Rubber City* (KRC) di kawasan Ladang Bukit Ketapang, Kedah telah diluluskan pelaksanaannya dalam RMKe-11. Pembangunan KRC melibatkan komponen-komponen penyelidikan dan pembangunan (R&D), bahan mentah, modal insan, insentif dan pemasaran yang akan memberi impak ekonomi yang besar kepada industri hiliran.

Pelaksanaan projek ini masih di fasa perancangan, di mana kerja-kerja pengukuran tanah dan penandaan topografi telah selesai pada bulan Mac 2016. Proses pelantikan perunding-perunding bagi melaksanakan kerja-kerja infrastruktur serta rekabentuk terperinci sedang dilaksanakan dan dijangka dapat dimuktamadkan pada akhir tahun 2016.

Projek ini mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri Kedah. Pelbagai bengkel telah diadakan sepanjang tahun 2016 seperti *The Way Forward In Development Of Kedah Rubber City* di Langkawi, Bengkel Mengenai Isu Tanah di Alor Setar, Bengkel Infrastruktur di Pulau Pinang dengan penglibatan semua pihak kepentingan untuk memastikan kelancaran projek pembangunan KRC ini.

Selain itu, dalam usaha menarik kemasukan pelabur, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah menyediakan Pakej Insentif Cukai Khas untuk KRC yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada awal tahun 2015. Pelan

Promosi juga sedang giat dijalankan oleh NCIA dari semasa ke semasa bagi menarik pelaburan ke KRC.

Sekian, terima kasih.

November 2016